

Kenaikan Minyak: Kerajaan harap tak perlu dinaikkan lagi

dikaji

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan akan mengkaji kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh negara-negara pengeluar dan pengeksport minyak, (OPEC) dan mengambil langkah supaya ianya tidak menyebabkan kenaikan pertambahan harga di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini kenaikan harga minyak sebanyak 15 peratus yang diumumkan oleh OPEC mungkin akan menjejaskan perindustrian di Malaysia.

Menjejaskan ekonomi

Bagaimanapun, tegas Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, implikasi kenaikan harga minyak itu tidak mungkin melibatkan perindustrian dan rakyat negara ini dengan serta merta.

Menurut beliau, Kerajaan, pertama sekali, akan mengkaji secara mendalam kemungkinan kenaikan harga minyak mentah ke atas Malaysia, sebelum mengambil sesuatu langkah yang sewajarnya.

Syarikat-syarikat minyak di sini menegakkan adalah terlalu awal untuk meramalkan sama ada kenaikan harga minyak oleh OPEC itu akan menjejaskan perindustrian Malaysia.

Sementara itu, seorang pegawai perindustrian Amerika Syarikat menegakkan hari ini, kenaikan harga minyak mentah yang hampir dua kali ganda harga lamanya itu, pasti akan menyebabkan inflasi di negara itu dan menjejaskan ekonomi 18 negara pengeluar minyak.

Presiden Carter pula menyatakan semalam, kenaikan harga minyak itu tentu akan menghalang usaha-usaha mengurangkan inflasi dan memulihkan ekonomi dunia.

Katanya, negara-negara pengeluar minyak juga sama-sama bertanggungjawab ke atas usaha menayakan program-program ekonomi dunia.

Presiden Carter menyatakan dalam satu kenyataan: "Kami menyesali keputusan OPEC ini dan berharap ianya akan memimbang semula keputusan tersebut sebelum langkah-langkah lain dijalankan."

Seorang pegawai pengubah inflasi di Amerika, Enck Alfred Khan pula menyatakan, beliau merasa sedih dengan keputusan OPEC itu yang, katanya, sudah tentu 'melakukan' negaranya.

Setiausaha Tenaga Amerika, Enck James Schlesinger pula menisifatkan kenaikan harga minyak itu bukan sahaja akan menjejaskan perimbangan dagangan malahan kadar inflasi.

Sementara itu, kenaikan harga minyak 15 peratus yang dibuat dalam empat peringkat sepanjang tahun depan seperti yang diputuskan oleh Menteri-menteri OPEC, tidak akan menjejaskan kedudukan ekonomi Malaysia.

Pegawai-pegawai meramalkan ekonomi negara ini akan terus berkembang maju.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Ser - 1184
No. Pen: 1155/80

117